KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	1&2
JABATAN	:	JPNK			

SELASA | 25 JANUARI 2022 | 22 JAMADILAKHIR 1443H | BIL: 5501 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Sinar

PENERIMA ANUGERAH KAJAI 2021
ANUGERAH TERTINGGI
KEWARTAWANAN MALAYSIA

PENERIMA ANUGERAH EMAS
KATEGORI KEWARTAWANAN
PENYIASATAN CEMERLANG 2021



Pengarah Perhutanan Kelantan, Abdul Khalim Abu Samah, melancarkan operasi memusnahkan ladang sawit yang diusahakan di atas tanah Hutan Simpan Kekal Relai, Gua Musang yang diceroboh.

SINDIKET JUAL HUTAN SIMPAN

- Meneroka Hutan Simpan Kekal (HSK) dengan menanam kelapa sawit sebelum menjual tanah berkenaan kepada orang ramai adalah antara taktik terbaharu sindiket pencerobohan HSK yang dikesan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK).
- Pengarah JPNK, Abdul Khalim Abu Samah ketika mendedahkan perkara itu berkata, walaupun tanah tersebut dijual tanpa geran, permintaan yang diterima adalah tinggi.
- Sindiket terbabit akan membahagikan tanah yang telah ditanam kelapa sawit kepada plot-plot seluas satu hektar, dua hektar atau enam hektar sebelum menjualnya.
- JPNK tidak menolak kemungkinan orang tempatan menjadi dalang di sebalik kegiatan itu.

2

Jual hutan simpan tanpa dokumen

Walaupun aktiviti itu dibuat tanpa sebarang dokumen, ia tetap dapat permintaan tinggi

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

GUA MUSANG



Abdul Khalim (tengah) menunjukkan papan tanda yang telah dipasang oleh JPNK berkait dengan penerokaan haram di Hutan Simpan Relai, Ladang Serasa, Gua Musang pada Isnin.



Abdul Khalim menumbangkan pokok sawit menggunakan jentolak semasa Operasi Bersepadu Membanteras Penerokaan Haram di Hutan Simpan Relai, Ladang Serasa, Gua Musang pada Isnin.

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) mendedahkan wujud sindiket penerokaan haram yang menceroboh kawasan hutan simpan kekal di negeri ini sebelum dijual kepada orang luar walaupun tanpa dokumen sah.

Pengarah JPNK, Abdul Khalim Abu Samah berkata, walaupun aktiviti tersebut dibuat tanpa sebarang dokumen, ia tetap mendapat permintaan tinggi.

"Hasil maklumat risikan yang diperoleh, sindiket berkenaan akan meneroka kawasan hutan simpan kekal dan menyiapkan plot sebelum dijual.

"Bila (sindiket) teroka mereka akan tanam dengan kelapa sawit, kemudian buat plot-plot antara satu hektar; dua hektar atau enam hektar yang kemudian akan dijual," katanya kepada pemberita ketika turun padang dalam Operasi Bersepadu Membanteras Penerokaan Haram di Hutan Simpan Relai, Ladang Serasa di sini pada Isnin.

LAPORAN MUKA DEPAN

Operasi tersebut turut melibatkan kerjasama 81 anggota daripada Jabatan Perhutanan Kelantan; Pejabat Tanah dan Galian, Polis serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Menurutnya, kebanyakan orang luar yang tidak tahu bahawa kawasan tersebut mempunyai milikan akan terus membeli kerana ia tidak memerlukan geran dan hanya perlu membayar deposit.

Beliau berkata, situasi itu membuatkan mereka menjadi mangsa kepada sindiket terbabit apabila JPNK menjalankan operasi pemusnahan kerana melakukan penerokaan secara haram.

Mengulas lanjut, Abdul Khalim bagaimanapun berkata, nilai jualan itu tidak diketahui oleh JPNK dan ia bergantung kepada jumlah tanaman serta jarak kawasan tersebut.

"JPNK tidak menolak kemungkinan orang tempatan menjadi 'dalang' di sebalik kegiatan ini dan pihak kami akan sentiasa melakukan operasi berterusan bagi membanteras penerokaan haram di kawasan hutan simpan selain menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam mengesan aktiviti ini.

"Kita akan gunakan teknologi moden seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), dron dan skuad yang terdiri daripada anggota penguat kuasa daerah serta ibu pejabat untuk memantau aktiviti penerokaan hutan," katanya.

Menurutnya, kawasan yang dikesan menjadi perhatian sindiket ialah di Gua Musang dan beberapa hutan simpan kekal di negeri ini.

Beliau berkata, sehingga kini Kelantan mempunyai sempadan hutan simpan kekal lebih 8,000 kilometer.